

# Mahathir tinjau sendiri nahas lampu di Subang

KUALA LUMPUR, Ahad. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meninjau sebab-sebab sistem lampu di Terminal 1 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang, terhempas mencederakan 20 orang.

Bellau yang membuat lawatan mengejut ke situ tengahari ini, juga meninjau langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengelakkan kemalangan seperti itu berulang.

Bellau kemudian mengarahkan pihak yang berkenaan menjalankan siasatan rapi. Bellau diiringi oleh isteri bellau, Datin Seri Dr. Siti Hasmah.

Di dalam kejadian itu, keseluruhan sistem lampu di terminal berkenaan yang berkait antara satu dengan lain terhempas dengan begitu pantas mencederakan 20 orang, dua darinya parah.

Pengurus Besar Lapangan Terbang, Encik G.V. Thaver memberitahu, Perdana Menteri meneliti kerosakan dan menyoal beberapa orang pegawai kanan lapangan terbang mengenai puncanya disamping menanyakan keadaan mangsa-mangsa nahas itu.

Bellau juga meneliti langkah-langkah yang perlu diambil untuk menghindarkan kejadian serupa di masa depan.

Encik G.V. Thaver bagaimanapun tidak menjelaskan punca kemalangan itu tetapi menaksirkan kerosakan kira-kira \$200,000.

"Ia mungkin lebih," tambahnya.

Menurut bellau, keseluruhan sistem lampu di terminal tersebut akan ditukar kepada sistem 'Skylighting'.

"Kita juga sedang mengkaji cara paling baik membaiki semula kerosakan di samping kemungkinan menggunakan sistem hawa-dingin," jelasnya.

Katanya, "Kejadian itu sungguh luar biasa dan saya tidak boleh mempercayainya."

Bellau juga tidak menafikan kemungkinan kejadian tersebut disebabkan oleh kesan kerja-kerja pembinaan yang dijalankan.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia